

Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan Ilmu Naqli Dan Aqli Menggunakan Pendekatan ‘Lesson Study’

Teaching Strategies of Islamic Education Teachers in Integrating Naql and Aql Knowledge Using ‘Lesson Study’ Approach

Zetty Nurzuliana Rashed¹, Siti Rashidah Abd. Razak², Norshilawani Shahidan³, Ahmad Shafiq Mat Razali⁴, Zanaton H Iksan⁵ & Sri Andayani Mahdi Yusuf⁶

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengintegrasian ilmu naqli dan aqli melalui pendekatan “*lesson study*” di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Tumpuan kajian ini adalah berdasarkan kepada empat elemen yang terdapat dalam pendekatan “*lesson study*” iaitu menentukan matlamat, merancang pengajaran, kelas terbuka dan refleksi. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan yang membentuk kumpulan satu kumpulan komuniti yang terdiri daripada dua orang guru Pendidikan Islam dan tiga orang guru Sains. Dalam pengajaran kelas terbuka seorang guru Syariah Islamiyah dan seorang guru Biologi tingkatan lima terlibat. Dapatkan kajian ini diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat kesan positif antara aplikasi kaedah “*lesson study*” dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui temu bual peserta kajian memberi tindak balas positif mengenai penggunaan kaedah ini dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Melalui pemerhatian ketika *open class* dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa dengan menggunakan pendekatan “*lesson study*” dalam pengajaran dapat memberi motivasi kepada murid untuk mengaplikasikan ilmu naqli (al-Quran) yang mereka pelajari dalam subjek lain dan mengintegrasikan ilmu sains (aqli) yang dipelajari dengan ilmu naqli. Selain itu, pada peringkat guru ia merupakan satu penambahbaikan kerana integrasi ilmu tidak dapat dicapai dengan berkesan tanpa kaedah “*lesson study*” berikutan guru yang mengajar hanya mahir dalam bidang atau subjek mereka sahaja. Melalui pendekatan *lesson study* para guru dapat sama-sama bertukar-tukar ilmu dan pendapat dalam memastikan integrasi ilmu mengambil tempat dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Analisis dokumen juga mendapati bahawa silibus yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyebut secara jelas bagaimana proses integrasi perlu dilaksanakan dan pengkaji mendapati kaedah “*lesson study*” merupakan kaedah yang paling sesuai untuk memastikan proses integrasi berlaku dengan baik sepanjang sesi pengajaran.

Kata kunci: *Naqli, Aqli, Lesson Study, Pengajaran dan Pemudahcaraan*

¹ Zetty Nurzuliana Rashed, PhD, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), zetty@kuis.edu.my

² Siti Rashidah Abd. Razak, M.Ed, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), sitirashidah@kuis.edu.my,

³ Norshilawani Shahidan, M.Ed, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), norshilawani@kuis.edu.my,

⁴ Ahmad Shafiq Mat Razali, M.Ed Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), ahmadshafiq@kuis.edu.my

⁵ Zanaton H Iksan, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, zanaton.iksan@ukm.edu.my

⁶ Sri Andayani Mahdi Yusuf, Phd Candidate, Universiti Kebangsaan Malaysia, sri_ukm@yahoo.com

ABSTRACT

This study is aimed at investigating strategies in naql and aql knowledge integration by using lesson study approach in a science tahfiz school in Selangor. The focus of the research was on the four elements in lesson study approach namely determining the aim of the lesson, creating the lesson plan, teaching in open class and reflection. This study used sampling aimed at forming a community which consisted of two Islamic Education and 3 Science teachers. In open class teaching, a Syariah Islamiyyah and a Biology teachers who taught form 5 students were involved. The data were collected through interviews, observations and document analysis. Based on the findings, it was found that there were positive effects as a result of lesson study approach application in the teaching and learning process. Through observations during open class teaching, the researcher noticed that the application of lesson study approach helped in motivating the students to apply naql knowledge (al-Quran) that they had learnt in other subjects and integrate knowledge in science (aql) that they had learnt with naql knowledge. Other than that, on the teachers' side, it was a form of teaching improvement as knowledge integration could not be achieved effectively without lesson study approach because teachers only master their subject matter. Through lesson study approach, teachers could exchange their knowledge and ideas in ensuring knowledge integration could be done in the teaching and learning process. Document analysis showed that it was not clearly stated in the syllabus from Ministry of Education Malaysia (MOE) on the implementation of knowledge integration and the researcher found that lesson study approach was the most suitable approach to ensure the success of integration in the teaching and learning process.

Keywords: *Naql, Aql, Lesson Study, Teaching and Learning*

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengintegrasian yang berasaskan kepada kesepaduan ilmu naqli dan aqli dalam pengajaran guru pendidikan Islam dan guru sains di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Amalan pengintegrasian ini menggunakan pendekatan "lesson study" yang terdiri daripada empat langkah iaitu pembentukan kumpulan komuniti, penyediaan rancangan pengajaran, pengajaran di dalam kelas terbuka dan refleksi pengajaran. Pembentukan kumpulan komuniti menggabungkan kolaborasi antara guru pendidikan Islam dan guru sains dalam mengintegrasikan ilmu wahyu dan sains.

Pernyataan Masalah

Masyarakat kini mula menyedari keistimewaan sekolah yang berasaskan pendidikan bersepadu atau bersifat holistik (Zetty Nurzuliana 2016). Menurut Adnan Rashid *et al* (2013), sekolah ini berbeza dengan sekolah agama tradisional kerana ia menekankan kepada subjek yang disepadukan dengan ilmu naqli dan ilmu aqli. Zetty Nurzuliana (2016) berpendapat nilai serta kandungan dari mata pelajaran lain seperti sains perlu diserapkan supaya wujud kesepaduan antara ilmu-ilmu yang dipelajari oleh para murid. Sekiranya konsep kesepaduan yang dinyatakan ini menjadi amalan guru Pendidikan Islam maka sudah pasti cita-cita dan hasrat negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis sebagaimana yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan dapat direalisasikan.

Kemahiran pedagogi guru perlu dipertingkatkan lagi. Salah satu caranya melalui pendekatan kolaborasi antara guru pendidikan Islam dengan guru sains terhadap sesuatu tajuk yang akan diajarkan. Pedagogi pengajaran pendidikan Islam juga dilihat begitu terasing dan terpisah daripada mata pelajaran yang lain. Mata pelajaran pendidikan Islam dilihat dari perspektif yang begitu sempit serta tiada kepentingannya untuk disepadukan dalam mata pelajaran yang lain. Hal ini merupakan sebahagian daripada serpihan yang ditinggalkan oleh pemikiran sekular yang beranggapan bahawa agama sebagai suatu urusan peribadi melebihi daripada pandangan Islam sebagai agama (Rosnani Hashim 2002).

Beberapa kajian lepas yang berfokus tentang kemahiran berfikir seperti kemahiran berfikir kritikal, kritis dan kreatif serta penyelesaian masalah dalam kalangan murid di beberapa buah negeri di Malaysia masih pada tahap sederhana dan rendah (Sarimah & Shaharom 2008; Zanariah 2010; Nor Hasnida *et al.* 2011; Faridah *et al.* 2013). Agenda untuk melahirkan pelajar yang mampu menggunakan akal untuk berfikir masih tidak dapat diwujudkan sepenuhnya.

Oleh demikian, satu pendekatan yang dikenal pasti dapat memberikan satu penyelesaian kepada masalah yang timbul adalah dengan melaksanakan pembelajaran melalui pendekatan "*lesson study*" antara guru al-Quran dan guru sains. Pendekatan "*lesson study*" ini membantu guru menguasai dua bidang ilmu (al-Quran dan sains) sehingga dapat merangsang minat murid untuk berfikir dan mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian. Selain memberikan satu ilmu yang bermakna kepada pelajar dan mengetahui tujuan sebenar murid menghafal al-Quran. Diharapkan melalui pendekatan ini dapat meningkatkan penghayatan, kefahaman agama Islam dan moral secara bersepadu dan menyeluruh dalam kalangan generasi muda khususnya pelajar tahfiz.

Pendekatan Lesson Study

Antara intipati yang terkandung dalam Fasafah Pendidikan Negara adalah penekanan kepada pengintegrasian ilmu secara menyeluruh dan bersepadu. Ini seterusnya membawa kepada kepentingan pengintegrasian ilmu aqli dan naqli dalam sistem pendidikan. Bagi pelajar tahfiz, mereka menerima kedua-dua ilmu melalui kurikulum akademik, kurikulum diniah dan kurikulum tahfiz. Walaupun begitu, kurikulum ini disusun secara terpisah mengikut mata pelajaran yang perlu mereka pelajari. Oleh yang demikian, pengintegrasian dan penyepaduan ilmu perlu dilakukan oleh pendidik iaitu guru sebagai pelaksana kepada kurikulum itu.

Dalam proses pengintegrasian ilmu, adalah penting bagi seseorang pendidik itu menguasai ilmu aqli dan naqli. Ini bagi membantu kelancaran proses pelaksanaan pengintegrasian ilmu ini di samping ilmu pedagogi yang sememangnya sangat penting bagi seorang pendidik. Namun begitu, seorang pendidik bagi bidang Pendidikan Islam mungkin akan menghadapi masalah bagi mengintegrasikan ilmu tersebut dengan ilmu sains dan begitu juga sebaliknya oleh kerana tiada pengetahuan yang mendalam dalam bidang tersebut. Masalah ini boleh diatasi melalui pendekatan *Lesson Study* (Zanaton H. Iksan, Md Noor Saper & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016).

Definisi Lesson Study

Perkataan *Lesson Study* adalah diambil dari Bahasa Jepun iaitu "*jugyokenkyu*" yang merupakan gabungan dua perkataan iaitu '*jugyo*' bermaksud pelajaran, dan '*kenkyu*' yang bererti pengkajian. Oleh yang demikian, *Lesson Study* bermaksud suatu penelitian atau pengkajian terhadap pelajaran (Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin, 2013).

Melalui pendekatan ini, guru-guru mengkaji proses pembelajaran yang dilakukan melalui perancangan dan pemerhatian. Ia dijalankan dengan memberi penekanan kepada kolaborasi antara guru melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011) yang bertujuan bagi menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Lesson Study adalah terdiri daripada empat langkah iaitu pembentukan kumpulan komuniti, penyediaan rancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran secara kelas terbuka dan refleksi (Lewis & Hurd, 2011; Stepanek, 2007). Pembentukan kumpulan komuniti menyediakan ruang kepada para guru berlainan bidang berbincang bagi memastikan pengintegrasian ilmu dilaksanakan dalam pengajaran (Zanaton H Iksan, Effandi Zakaria & Md. Yusoff Daud, 2014). Langkah pertama dalam pendekatan *Lesson Study* melibatkan perbincangan antara guru bagi menentukan objektif pengajaran. Objektif pengajaran perlulah sesuai dengan tahap pelajar bagi memudahkan pelajar memahami konsep yang diajar dan melancarkan proses pengajaran di pihak guru. Ini diikuti dengan langkah kedua yang melibatkan pembinaan rancangan pengajaran bagi pengajaran bersama (Lewis, 2008; Post & Varoz, 2008; Teacher Education Division of the Ministry of Education, 2011). Perbincangan yang dijalankan adalah bertujuan untuk melahirkan idea yang lebih bernas dalam perancangan rancangan pengajaran tersebut. Para guru yang terlibat dalam proses ini perlu memahami subjek yang akan diajar memandangkan mereka terlibat dalam pembinaan rancangan pengajaran ini. Dalam langkah yang ketiga pula, guru akan melaksanakan pengajaran di dalam kelas simulasi berdasarkan rancangan pengajaran yang telah dibina. Sepanjang proses tersebut, seorang guru akan membuat pemerhatian dan menilai proses pengajaran tersebut (Lewis, 2008; Post & Varoz, 2008) bagi membantu mengenal pasti pelaksanaan pengintegrasian ilmu. Selepas sesi pembelajaran dijalankan, para guru akan membuat refleksi serta berbincang kekuatan dan kelemahan sepanjang sesi tersebut berlangsung (Teacher Education Division of the Ministry of Education, 2011) yang kemudiannya dapat membantu dalam menambah baik rancangan pengajaran (Marble, 2007). Dalam pengajaran yang seterusnya, guru tersebut boleh membuat penambahbaikan pada rancangan pengajaran berdasarkan sesi refleksi dan memperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan maklumat di kalangan pelajar (Cheng & Yee, 2012).

Peranan Guru dalam Pendekatan Lesson Study

Bagi merealisasikan sumber-sumber ilmu Islam berdasarkan dalil-dalil aqli dan naqli serta ilmu-ilmu konvensional, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah peranan guru sebagai penyampai kandungan kurikulum supaya lebih berkesan. Hal ini kerana, guru bertindak sebagai pemudah cara yang paling hampir dengan murid. Pembangunan model rancangan pengajaran yang berkualiti diperlukan dalam usaha untuk memantapkan strategi guru untuk memberi kefahaman kepada pelajar.

Pengajaran juga dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Ketika berlakunya suasana pembelajaran, perkara utama yang dilakukan oleh guru ialah merancang dengan berstrategi. Perancangan yang berstrategi ini. Oleh itu, dapat disimpulkan tujuan integrasi dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah untuk memastikan ilmu-ilmu Islam dan ilmu-ilmu konvensional yang diajar oleh pendidik kepada pelajarnya telah diambil dari sumber yang tepat untuk dipelajari dan diamalkan.

Menurut Wang-Iverson (2002), kesan yang terhasil dari penggunaan lesson study yang terbaik berperanan besar dan menjadi penentu kepada perubahan yang sistematik. Di negara-negara maju seperti Jepun, lesson study tidak hanya memberikan sumbangan terhadap

professional keguruan semata-mata, tetapi menjadi penentu kepada hala tuju sistem pendidikan yang lebih luas. Hal ini kerana melalui lesson study, hanya guru yang bertindak dan bekerja secara kolaboratif sahaja berupaya menerjemahkan tujuan dan standart pendidikan ke suasana sebenar di dalam kelas. Mereka yang berupaya merancang pembelajaran yang sistematik secara langsung akan menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Oleh yang demikian, disimpulkan bahawa lesson study dapat dijadikan satu alternatif untuk merungkaikan permasalahan profesionalisme guru terutama apabila berkaitan dengan peranan dan guru yang tidak efisien di dalam kelas. Program peningkatan mutu profesionalisme guru melalui pendekatan lesson study perlu ditingkatkan dan dijayakan sebaik mungkin.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif. Secara khususnya reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci dengan mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton 1990). Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin 1994).

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif deskriptif dengan teknik triangulasi iaitu temu bual, pemerhatian dan catatan nota lapangan. Temu bual telah dijalankan kepada guru subjek dan murid. Catatan lapangan juga dibuat semasa temu bual.

Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman 1998). Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour 2007). Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam 2015).

Peserta kajian terdiri daripada seorang guru pendidikan Islam dan seorang guru sains. Guru bidang pendidikan Islam adalah di bawah subjek syariah Islamiyah manakala guru sains ialah di bawah subjek biologi. Peserta dalam kalangan murid adalah murid dari dua kelas guru yang terlibat iaitu bagi kelas Syariah Islamiyah dan Biologi.

Dapatan Kajian

Kajian ini juga meneroka strategi pengintegrasian ilmu naqli dan aqli dalam mata pelajaran syariah Islamiah di bawah tajuk perkahwinan. Tajuk ini dibahagikan kepada empat sub-tajuk iaitu i) pengertian perkahwinan, ii) hukum perkahwinan, iii) Dalil pensyariatan dan iv) Hikmah perkahwinan dalam Islam. Bagi mencapai objektif pembelajaran tersebut, Ustaz Sulaiman membahagikan pelajar kepada empat kumpulan iaitu dua kumpulan pelajar lelaki dan dua kumpulan pelajar perempuan. Setiap kumpulan diberikan salah satu sub-tajuk di atas untuk dibincangkan dalam kumpulan dan dibentangkan.

Berdasarkan analisis sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk ini, didapati terdapat beberapa strategi pengintegrasian ilmu naqli dan ilmu aqli dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam bagi tajuk perkahwinan. Pada peringkat permulaan sesi pengajaran dan pembelajaran Ustaz Sulaiman terus memulakan kelas tanpa

membaca doa. Menurut pemerhatian, pengkaji Ustaz Sulaiman seolah-olah gementar sehingga lupa untuk membaca doa. Sejurus memulakan kelas dengan lafaz *Bismillah* beliau menunjukkan video berkaitan dengan kejadian manusia menurut perspektif Islam. Strategi yang dapat dikenalpasti ialah:

a) Set Induksi- Menunjukkan video

Video yang berdurasi dua minit yang berada dalam langkah set induksi ini memaparkan tentang proses kejadian manusia. Para pelajar memerhatikan video tersebut dengan penuh khusyuk. Setelah itu, Ustaz Sulaiman memperdengarkan bacaan al-Quran surah Al-Nur ayat 32:

Maksudnya: "Dan nikahkanlah orang yang masih membujang antara kamu, dan juga orang yang layak (menikah) dari hamba sahayamu yang laki-laki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kemampuan kepada mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui."

(Al-Nur, 24:32)

Dapatan ini menunjukkan bahawa tayangan video itu mempunyai peranan yang besar dalam proses pengintegrasian ilmu. Video ini menunjukkan tentang proses kejadian manusia dan Ustaz Sulaiman mengaitkan dengan ilmu sains. Terdapat kupasan yang menunjukkan kebesaran Allah S.W.T turut diperjelaskan. Ayat yang diperdengarkan oleh Ustaz Lukman selepas tayangan video ini mempunyai kaitan dengan tajuk yang diajar.

b) Menerang- Definisi perkahwinan

Pada peringkat permulaan pengajaran Ustaz Sulaiman memberikan definisi perkahwinan dengan lebih jelas kepada pelajar. Ustaz Sulaiman memaparkan *slide* berkaitan dengan definisi perkahwinan dan menjelaskan kepentingannya dalam kehidupan seseorang. Pernyataan di bawah menunjukkan kenyataan Ustaz Sulaiman:

G: *Ok, pertama pengertian perkahwinan. Perkahwinan adalah dari sudut bahasanya bahawa melayu lah, dari sudut bahasanya adalah cantum/himpun. Macam-macam kita boleh gunakan perkataan perkahwinan ni, kahwinkan pokok boleh, kahwinkan. Kahwinkan binatang atau haiwan.*

(US-PM1-210217:20-23)

G: *Ok istilah syaraknya akad yang menggunakan lafaz nikah atau bahasa yang membawa maksud nikah untuk menghalalkan persetubuhan lelaki dan perempuan. (ustaz membaca slide). Hal ini maksudnya istilah syarak, so himpun ataupun cantum itu maksudnya adalah dari pada istilah syaraknya adalah adanya ikatan. Adanya ikatan yang tak nampak tu sebenarnya ada. (ustaz memerhati slide) Boleh? Faham?*

(US-PM1-210217:24-28)

Berdasarkan dapatan ini Ustaz Sulaiman menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan konsep perkahwinan dan kepentingannya kepada pelajar. Ustaz Sulaiman juga memberikan contoh jenis lafaz akad nikah. Pernyataan adalah seperti berikut:

"Ok akan menggunakan lafaz nikah ataupun bahasa yg membawa maksud nikah yang menghalalkan supaya lelaki maksudnya kalau ada orang tu bisu maknanya bahasa

yang membawa maksud. Bisuuu (ustaz buat isyarat bisu, pelajar ketawa) kalau ada ni (ustaz buat isyarat badan besar murid juga senyum). ok.. Kalau sengau bahasanya, kalau orang terengganu bahasa terengganu la asalkan orang faham la, aku nikahkan kalau terengganu paling simple, kalau terengganu diaa aa aku nikahkan kau dengan dia, setuju dak? Setuju?

(US-PM-210217:32-37)

Berdasarkan dapatan ini Ustaz Sulaiman mengaitkan konsep perkahwinan ini dengan tanggungjawab kehidupan sebagai seorang Muslim. Beliau menekankan konsep dan kepentingan perkahwinan dalam Islam.

c) **Perbincangan kumpulan- buat peta minda**

Berdasarkan pemerhatian, didapati pelajar dapat membuat perkaitan dan menghayati keagungan dan kebesaran Allah S.W.T apabila mereka dapat menguasai ilmu yang dipelajari. Strategi perbincangan kumpulan dilakukan dengan cara setiap kumpulan membincangkan satu sub-topik yang berkaitan. Mereka akan sedaya upaya berbincang dan memahami proses yang berlaku kerana mereka perlu membentangkan kepada pelajar yang lain di dalam kelas. Dalam hal ini guru berperanan sebagai fasilitator dengan berjalan dari satu meja ke meja untuk memberi peluang kepada setiap kumpulan bertanya dan menerangkan perkara yang mungkin menjadi kemuskilan mereka. Guru mengedarkan kertas putih kepada pelajar dan membuat peta minda hukum perkahwinan berdasarkan dalil al-Quran. Pernyataan pemerhatian adalah :

“Duduk dalam kumpulan, satu kump 5 atau 6. jangan kurang. Kemudian buat peta minda, dari peta minta tu kamu keluarkan hukum perkahwinan yang berdasarkan ayat ataupun kamu boleh kaitkan dengan kajian yang kamu hafal dalam al-Quran, kamu kan penghafaz!”

(US-PM-210217:60:63)

Pelajar juga membincangkan secara berkumpulan tentang hukum-hakam perkahwinan seperti berikut:

i. **Hukum perkahwinan menjadi Sunnah**

Hukum perkahwinan menjadi sunnah apabila seseorang yang sudah cukup umur atau baligh, mampu zahir dan batin untuk melangsungkan pernikahan namun masih boleh menahan keinginan dan hawa nafsunya sehingga tidak jatuh pada perbuatan zina. Apabila seseorang merasa tidak akan terjerumus ke dalam perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T. maka hukum berkahwin menjadi sunnah. Sekiranya mereka berkahwin kelak akan mendapat pahala dan kelebihan dari perkahwinan yang tidak didapatkan semasa masih bujang. Ajaran Islam menyuruh orang yang telah mampu zahir dan batin agar segera menikah, jangan disebabkan boleh menahan hawa nafsu lantas keinginan mereka untuk menjadi bujang selamanya. Perkara menunda-nunda suatu kebaikan tidak sesuai dengan ajaran agama Islam.

ii. **Hukum perkahwinan menjadi wajib**

Jika dalam Hukum Islam, perkahwinan adalah sunnah, maka mengapa sebuah perkahwinan dihukumkan menjadi wajib? Kewajipan untuk berkahwin akan dibebankan oleh Allah S.W.T. kepada seseorang yang mampu zahir dan batin untuk berkahwin, seperti mempunyai

kewangan, kesihatan fizikal dan mental, dan sekiranya tidak berkahwin dikhuwatiri tidak dapat menahan hawa nafsunya sehingga terjerumus ke dalam lembah perzinaan yang diharamkan oleh-Nya. Agama Islam mengajarkan beberapa cara yang boleh dilakukan untuk menahan diri dari mengikut kemahuan hawa nafsu syahwat yaitu dengan berpuasa, namun apabila berpuasa tidak boleh menahan diri dari keinginan tersebut, maka berkahwin menjadi wajib hukumnya. Hal ini termaktub dalam al-Qur'an pada surat Al-Nur (24:23).

iii. Hukum perkahwinan menjadi haram

Lalu, bagaimana dengan hukum perkahwinan yang menjadi haram? Perkahwinan menjadi hukumnya haram apabila seseorang menikah mendatangkan mudarat dan mendapatkan pahala apabila tidak menikah. Terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan sebuah perkahwinan menjadi haram, antara lain perkahwinan yang diniatkan untuk menzalimi isteri, suami tidak mampu memberikan nafkah baik secara zahir mahupun batin serta apabila suami tidak mampu memberikan perlindungan kepada isteri dan keluarga. Hukum perkahwinan berubah menjadi hukum haram apabila suami menikahi wanita yang menjadi muhrimnya, wanita muslimah yang menikah dengan pria berlainan agama, haram menikahi wanita yang sedang dalam masa iddah dan wanita yang telah memiliki suami.

iv. Hukum perkahwinan menjadi makruh

Hukum perkahwinan dalam Islam menjadi makruh apabila seseorang tidak memiliki penghasilan tetap atau memiliki kekurangan secara fizikal dan kurang kemampuan dari segi batin dalam melayani isteri. Perkara ini harus dipersetujui oleh pasangan sebelum mereka menikah kerana pengakuan jujur dari pasangan akan membawa kepada kebahagiaan dan apabila isteri menerima maka diperbolehkan untuk menikah.

v. Hukum perkahwinan menjadi mubah

Seseorang diperbolehkan untuk berkahwin apabila ia memiliki kemampuan menikah dan berada dalam keadaan antara keharusan menikah dengan hal yang mencegah dirinya untuk menikah.

Dapatan kajian yang seterusnya adalah guru mengaitkan isi pelajaran dengan ilmu sains. Keteranganapatan adalah seperti berikut;

d) Guru mengaitkan isi pelajaran dengan sains

“Yang tadi hukumnya harus ye. HIV kahwin dengan suami dia yang HIV atau suami dia yang HIV harus berkahwin, tapi kena jagalah pantang larang dia, tak tahulah apa pantang larangnya bergantung kepada persetujuan, kalau salah seorang je yang setuju seorang lagi tak setuju. Ok! seterusnya aa hikmah, duduk dalam kumpulan juga, tentang hikmah tu, ok hikmah perkahwinan, apa yang kamu dapat daripada sudut sainsnya dan sudut Islamnya, kebaikan yang kamu dapat apabila berkahwin, kamu belajar bio kan? Biologi, bila berkahwin sel-sel bersambung”.

(US-PM-210217:273-281)

Sesi pembentangan pelajar berjalan dengan lancar. Sejurus selepas itu guru memberi penerangan dengan lebih jelas. Selain guru, guru juga meminta pelajar untuk membentangkan hasil kerja berkenaan dengan hikmah perkahwinan.

e) **Menjelaskan hikmah perkahwinan**

i) Mengagungkan kebesaran Allah S.W.T

Semasa proses pembelajaran, perasaan mengagungkan kebesaran Allah S.W.T dapat dilihat melalui perkataan pujian yang keluar dari murid yang dapat merasai keagungan Allah S.W.T. Perkara ini dibincangkan oleh Ustaz Sulaiman semasa sesi temu bual:

“Ye lah kalau berkahwin, kalau macam binatang kalau hubungan mungkin dia ada merembeskan hormon2 yang ada. Maknanya kebaikan perkahwinan tu”

(US-PM-210217:286-287)

ii) Menjelaskan hikmah perkahwinan- kehidupan berpasangan

Hikmahnya adalah kebaikan dia. Jadi kita dah dah nampak dah dalil ke dia dia dah ada dalil yang menunjukkan Allah menyuruh kita berkahwin. Allah S.W.T menjadikan manusia ni berpasang pasangan kan?

iii) Menjelaskan hikmah perkahwinan- mengelakkan penyakit

*Hikmah berkahwin yang pertama jalan terbaik untuk melepaskan nafsu shahwat,
“ok*

Aa yg keduanya bertambahnya orang Islam

ok

Aa ketiga kurangnya gejala sosial

Ok, dengan berkahwin itu kurangnya gejala sosial?

Kurang masalah seperti HIV,

Ok, lagi!

Aa rezeki bertambah

Apa yang kamu faham rezeki!

Rezeki anak

Kesihatan tu rezeki?”

(US-PM-210217:332-361)

“Bila dia berkahwin ni mengelakkan kita gejala sosial dan seterusnya dapat mengelakkan gejala AIDS ni sebab punca-punca masalah AIDS sebagai pergaulan bebas”

(US-PM-210217:359-361)

iv) Menjelaskan hikmah perkahwinan- mengeratkan silaturrahim

“Ok seterusnya yang ketiga untuk mengeratkan silaturrahim. Contohnya. Seterusnya kalau dia berkahwin, akan berbesan”

(US-PM-210217:389-392)

v) Menjelaskan hikmah perkahwinan- memperbanyakkan umat Islam

“Ok seterusnya untuk memperbanyakkan umat Islam”

(US-PM-210217:404)

“So hikmah perkahwinan adalah ketenangan tu kemudian dia balik kepada keharmonian balik kepada keharmonian tu, dah tenang harmoni lah lepas tu meramaikan menambahkan umat Islam. Nabi suka umat dia ramai sebab tu nabi suka nabi kahwin”

(US-PM-210217:457-459)

vi) Menjelaskan hikmah perkahwinan- tenang

“Ok satu lagi perkara ni kalau dalam sains ada orang panggil merembeskan, merembeskan apa maksudnya ea aa melepaskan aa dia melepaskan hormon2 tenang sikit, aa dia tenaaang. Isteri dia balik macam mana muka isteri dia masa dia balik dia tenaaang, rambut ke atas ke.. dia tenang, dia balik isteri dia rambut ke atas sotong apa bau sotong ke xkisah, cuba kamu tengok kalau macam ustaz adik beradik ustaz ada berapa?”

(US-PM-210217:407-411)

vii) Menjelaskan hikmah perkahwinan- murahkan rezeki

“So dalam perkahwinan ini still Allah bagi rezeki kesihatan, dan bertambahnya rezeki sekiranya kamu berkahwin seorang, rezeki kamu seorang bila kamu berkahwin rezeki kamu jadi berdua lipat dua, sekiranya kamu kahwin tiga kamu dapat.”

(US-PM-210217:332-361)

viii) Penutup- memberi salam

Pada sesi penutup pengajaran dan pemudahcaraan guru menutup kelas dengan memberikan salam kepada pelajar kemudian pelajar menyatakan ungkapan berikut:

“Maafkan kami ustaz, halalkan ilmu kami ustaz, doakan kami ustaz, kami saaaayang ustaz.”

(US-PM-210217:504)

Perbincangan Dapatan Kajian

Bacaan Doa

Strategi bacaan doa sebelum memulakan kelas disokong oleh kajian (Muhammad Zahiri 2016) yang mengatakan bahawa penguasaan doa sangat penting dalam kehidupan dan tidak bolehlah terlalu panjang dan menjala-jela. Ini adalah kerana melalui temu bual yang dijalankan mereka mengatakan bahawa doa yang terlalu panjang dan menyebabkan mereka menjadi malas untuk menghafaz.

Penggunaan video dalam sesi set induksi

Daripada data kajian yang telah dianalisis, adalah didapati bahawa guru telah menggunakan video yang berkaitan dengan bidang sains dalam sesi set induksi bagi mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Video tersebut adalah berkaitan dengan proses kejadian manusia yang sangat berkaitan dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut. Kajian ini disokong oleh Baharin Abu et. al. 2007, iaitu pelajar yang menjalani proses pembelajaran mempunyai berbagai cara. Antaranya ialah dengan melihat dan mendengar, merefleksi dan melakukan, berfikir secara

logik dan intuitif, dan menghafal, mengingat dan menggambarkan. Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Hargreaves, 1996). Oleh itu, faktor yang paling utama dan berkesan untuk menerapkan sesuatu ilmu adalah dengan cara menggabungkan antara unsur pendengar, perbuatan dan pertuturan.

Perkaitan ayat al-Quran

Bagi hasil kajian iaitu guru mengaitkan isi pengajaran dengan ayat al-Quran adalah selaras dengan kajian Novianti Muspiroh (2010) yang menegaskan bahawa proses integrasi ilmu naqli dan aqli berkait rapat dengan gaya pembelajaran melalui berzikir (logik) dan berfikir (mencari bukti). Oleh itu, strategi menanamkan maklumat awal terhadap Sang Khalik dan berfikir atas penciptaan-Nya serta mengaitkan ayat-ayat yang dibaca dengan proses pembelajaran menjadikan pelajar seorang hamba Tuhan yang sentiasa bersyukur dan bertasbih atas keagungan ciptaan-Nya.

Menurut beliau lagi, kandungan ayat-ayat al-Quran tersebut mestilah berkaitan dengan akidah dan mendorong pelajar untuk berfikir. Apatah lagi, Siti Rashidah (2017) bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa menghubungkan jiwa pelajar untuk *mentadabbur* al-Quran melalui konsep yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan ilmu aqli dan naqli akan melahirkan sistem pendidikan ilmu yang bersepadu yang memfokuskan kepada sifat *tafakkur*, berfikir secara mendalam dan kritis serta melahirkan manusia yang beriman.

Pembentukan kumpulan perbincangan untuk aktiviti pelajar

Berdasarkan dapatan kajian, iaitu pembelajaran dalam bentuk kumpulan merupakan salah satu faktor berlakunya pengintegrasian ilmu aqli dan naqli dalam kalangan pelajar dan guru. Menurut Nor Hasliza Mohamed (2012), pembelajaran berkumpulan atau kooperatif boleh meningkatkan lagi pencapaian pelajar dan kemahiran kognitif. Berita Harian pada 25 Disember 2009, telah melaporkan bahawa kaedah belajar secara berkumpulan serta tumpuan yang diberikan dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran telah membolehkan sembilan belas orang pelajar Sekolah Maahad Tahfiz Kuantan, Pahang mendapat pangkat A bagi sembilan mata pelajaran yang diambil dalam Penilaian Menengah Rendah 2009.

Memberi salam kepada pelajar pada sesi penutup

Penerapan ilmu aqli dan naqli ketika sesi penutup setiap sesi pembelajaran adalah melalui salam. Kajian yang dijalankan oleh Norazri Mohd Zaidin (2015) bahawa proses pengajaran dan pembelajaran perlu menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar bagi melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia. Tambahan pula, dapatan kajian yang di jalan di Kolej Kemahiran Tinggi Mara mendapati bahawa kriteria-kriteria yang perlu dimiliki oleh para pengajar sebelum memulakan kerjaya ialah akhlak yang mulia bagi melahirkan pelajar yang baik. Ini penting kerana bagi melahirkan pelajar yang memiliki akademik yang cemerlang dan berakhlak mulia perlu bermula di kelas.

Implikasi Kajian

Peranan guru bukan setakat mengajar mata pelajaran yang ditentukan pihak sekolah, malah sebagai pembimbing yang bertindak mendidik minda dan membina akhlak pelajar supaya menjadi ahli masyarakat yang baik dan berkualiti. Guru menjadi nadi dalam menyuntik budaya cemerlang dan gemilang dalam kalangan pelajar. Kesediaan, kesedaran, kepekaan, keterampilan, kreativiti dan kemahiran guru amat penting untuk memastikan matlamat pendidikan tercapai. Selain itu, guru perlu bersikap fleksibel menurut peredaran masa dan berupaya melakukan pengubahsuaian mengikut fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama ilmu pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudah cara dalam PdP malahan guru perlu bertindak sebagai *role model* kepada murid. Guru juga disarankan menimba lebih banyak ilmu dan berupaya menjadi kreatif dan inovatif bagi menjadikan proses penyampaian sesi PdP lebih efektif, menarik dan menyeronokkan.

Kesimpulan

Kerjasama antara guru Pendidikan Islam dengan guru sains sangat diperlukan bagi menjayakan proses pengintegrasian ilmu naqli dan ilmu aqli. Melalui pendekatan "*lesson study*" ini memberikan sumbangan kepada pembangunan diri pelajar sebagai insan seimbang dan cemerlang. Hal ini kerana dalam pengajaran guru melalui pendekatan "*lesson study*" dapat membuka minda pelajar untuk meneroka ilmu naqli yang dikaitkan dengan kemahiran berfikir menggunakan akal bagi menganalisa keagungan dan kekuasaan Allah S.W.T.

Rujukan

- Adnan Abd. Rashid, Azam Othman, Suhailah Hussein, Ismail Sheikh Ahmad, Mastura Badzis. 2013. Practises and concepts of integrated education system in selected Islamic religious schools in the Malay archipelago. *WCIK E-Journal of integration Knowledge* 77-87.
- Barbour Rosaline S. 2007. *Introducing Qualitative Research: A Student's Guide to the Craft of Doing Qualitative Research*. Paperback.
- Cheng, L. P., & Yee, L. P. 2012. A Singapore Case of "lesson study". *Mathematics Educator*, 21(2), 34-57.
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat & Abd. Razak Zakaria. 2013. Transformasi Guru Dalam Pengajaran dan pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (3) : 47-57.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. *Lesson Study: Pembelajaran Melalui Amalan Kolaboratif Guru*. Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru.
- Lewis, C. 2008. "lesson study" How Can It Build System-Wide Improvement? Retrieved from http://www.csus.edu/mase/calessonstudy/2008/docs/proceedings/Catherine_Lewis.pdf
- Lewis, C. & Hurd, J. 2011. *Lesson Study: Step by Step* Portsmouth, NH: Heinemann.
- Marble, S. 2007. Inquiring into Teaching: Lesson Study in Elementary Science Methods. *Journal of Science Teacher Education*, 18(6), 935-953. <http://dx.doi.org/10.1007/s10972-007-9071-6>

- Merriam, S. B. 2015. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* 3rd Edition. Paperback.
- Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin. 2013. Persepsi Guru Sains Yang Mengamalkan Lesson Study Sebagai Program Pembangunan Profesional Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran. *Proceeding of the Global Summit on Education*
- Nor Hasnida Che Md Ghazali, Siti Rahayah Ariffin, Nor Azaheen Abdul Hamid & Rosseni Ariffin. 2011. Kemahiran Pemikiran Kritis Dan Penyelesaian Masalah Murid. Dlm. Zamri Mahamod, Jamallul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt). *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan*, hlm. 257-269. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan UKM.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Post, G., & Varoz, S. 2008. Lesson-Study Groups with Prospective and Practicing Teachers. *Teaching Children Mathematics*, 4, 472-478.
- Rosnani Hashim. 2002. Dualisme pendidikan umat Islam di Malaysia: Sejarah, perkembangan dan cabaran masa depan. *Jurnal Pendidikan Islam* 10: 9-27
- Sarimah Karmin & Shaharom Noordin. 2008. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Seidman, I. 1998. *Interviewing as Qualitative Research*. New York: Teachers College Press.
- Stepanek, J., Appel, G., Leong, M., Mangan, M. T. & Mitchell, M. 2007. *Leading Lesson Study*. Thousand Oaks, CA: Crowin Press.
- Teacher Education Division, Ministry of Education, Malaysia. 2011. "lesson study": Learning through teacher collaborative practice. Book 1.
- Wang-Iverson, P. 2002. Why Lesson Study? in *Papers and Presentations: An Introduction*. RBS Lesson Study Conference 2002.
- Yin, R. K. 1994. *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Zanariah Ab. Wahab. 2010. Tahap Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Projek Penyelidikan Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Zanaton H. Iksan, Effandi Zakaria & Md. Yusoff Daud. 2014. Model of Lesson Study Approach during Micro Teacing. *International Education Studies*, 7(13): 253-260.
- Zanaton H. Iksan, Md Noor Saper, & Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Integration of Tawhidic Science through Lesson Study Approach in teaching and learning science or Islamic study. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(1): 40 – 50.
- Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan Al-Quran Dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM